

# Kerajaan tidak hirau tohmahan pembangkang

➔ Sentiasa bekerja keras supaya Malaysia diiktiraf, dihormati dunia

Oleh Rosli Abd Jalil, Hanneeyzah Bariah Baharin dan Bahrom Bakar  
bhkt@bh.com.my

► Jertih

**D**atuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak hirau tohmahan pembangkang dan pemimpin lama, tetapi sentiasa bekerja keras supaya Malaysia diiktiraf serta dihormati dunia.

Perdana Menteri berkata, kerajaan pimpinan BN bekerja keras memastikan Malaysia bukan sekadar negara Islam yang maju serta dihormati, tetapi kejayaannya dapat diukur menerusi pencapaian yang bukan berdasarkan kain rentang di tepi jalan, tetapi berpegang kepada Indeks Penunjuk Prestasi (KPI) dan pengurusan maqasid syariah.

"Sebab itulah kita bekerja bersebelah-sanggah untuk dunia luar hormati kita.

"Saya tak cara (tidak ambil peduli) pembangkang, pemimpin lama yang mengata kita, (tetapi

saya ambil cara (ambil peduli) orang luar, pemimpin besar luar, supaya mereka hormati kita," katanya pada majlis pecah tanah projek pemuliharaan muara Sungai Besut (Gerbang Pelancongan Antarabangsa) di Pekan Baru, Kuala Besut, di sini, semalam.

Muara Sungai Besut adalah laluan pelayaran bagi bot nelayan dan bot membawa pelancong ke Pulau Perhentian dan Pulau Redang.

### Muara sungai cetek

Masalah pemerdapan mengakibatkan muara sungai berkenaan menjadi cetek dan mersejatkan laluan pelayaran serta air banjir ke laut.

Projek pemuliharaan muara sungai bernilai RM250 juta yang dijangka siap 2019 antara lain membabitkan pembinaan pemecah ombak dan pedalaman muara sungai.

Yang turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh serta Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar, Usaha Kecil, Koperasi



Najib bersama pemimpin dan penduduk sempena Majlis Pecah Tanah Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut, semalam.



Kerajaan pimpinan BN bekerja keras memastikan Malaysia bukan sekadar negara Islam yang maju serta dihormati, tetapi kejayaannya dapat diukur menerusi pencapaian yang bukan berdasarkan kain rentang di tepi jalan, tetapi berpegang kepada Indeks Penunjuk Prestasi (KPI) dan pengurusan maqasid syariah"

Najib Razak, Perdana Menteri

dan Kepenggunaan negeri, Nawi Mohamad.

Pada majlis taklimat mengenai projek pemuliharaan muara Sungai Besut, Najib teruja ketika ditunjukkan gambar tapaknya, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang melawat Kuala Besut pada 1969.

Najib yang pertama kali tiba di Kuala Besut sejak menjadi Perdana Menteri teruja melihat gambar Allahyarham bapanya yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri merasmikan Sekolah Menengah Agama Nurul Iqtifaq di sini, pada 13 Mac 1969.

Bapa kepada Ahli Dewan Undangan Negeri Besut (ADUN) Kuala Besut, Tengku Zaibhan, iaitu Che Ru Abd Rahman Abdullah, 78, yang juga bekas pengetua sekolah berkenaan dan bekas AJUN Kuala Besut, adalah satu-satunya individu dalam gambar berkenaan yang turut ada bersama.

Sementara itu, ketika berucap pada Program Jom Bantu Rakyat dan Majlis Pecah Tanah Rumah Idaman Rakyat (RIK) Kampung Santong di Dungun, Perdana Menteri berkata, rakyat perlu ya-

kin dengan perjuangan UMNO walaupun bukan dilabel parti Islam.

### Dasar kesederhanaan

"Jika kita mengamalkan assabiyah; tidak mungkin kerajaan Arab Saudi membenarkan perubahan pusat (Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman) yang menggunakan nama rajanya.

"Satu yang menarik perhatiannya ialah dasar kesederhanaan yang diamalkan Malaysia. Kita tidak keterlaluan dan tidak terlalu liberal. Kita berjuang mengukir maqasid syariah iaitu menjaga harta, pengisian ilmu dan keturunan," katanya.

Terdahulu, Najib secara berseoroh berkata, UMNO mampu melawan kerusi dan Parlimen Dungun jika kepimpinan benar-benar dapat bersatu.

"Kita nak semua bersatu padu. Jika ketiga-tiga ni 'ngam', insya-Allah kita akan menang."

"Mudahnya untuk menang di Dungun. Mesti padu dan jangan bentes, jangan ada cah keting. Ini adalah 'luangan perang' kita," katanya.